



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (118)

Tarikh : 26 Mac 2016

## **SIARAN MEDIA**

### **KONVENSYEN JAWATANKUASA PERWAKILAN PENDUDUK (JPP)**

**Serdang, 26 Mac 2016** - Konvensyen Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) bertemakan Pemangkin Kesejahteraan Rakyat dirasmikan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada pagi ini.

2. Majlis Konvensyen JPP ini pertama kali dianjurkan bagi memberi peluang kepada anggota JPP untuk berinteraksi dengan pihak KPKT bagi mengeratkan lagi kerjasama antara Kerajaan dan wakil komuniti di samping bertukar-tukar pandangan khususnya dalam melaksanakan program-program komuniti yang mampu memberi kesejahteraan kepada rakyat.

3. Konvensyen JPP tahun 2016 meliputi 3 pengisian iaitu:

(a) Pelancaran Buku Gerak Kerja

- Gerak Kerja JPP adalah untuk membantu JPP merancang dan melaksanakan program dan aktiviti kemasyarakatan mengikut keperluan penduduk setempat. Buku Gerak Kerja ini membolehkan JPP melaksanakan program terutamanya program di bawah inisiatif KPKT secara seragam. Inisiatif ini dirangka khas untuk JPP bagi menyemarakkan penyertaan penduduk dalam menjaga dan memelihara kawasan penempatan komuniti masing-masing dari segi aspek keselamatan, kesihatan kebersihan dan keindahan.

- Program Gerak Kerja JPP adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Inisiatif</b>	<b>Program</b>
1.	Gerak Kerja Komuniti MyBomba	<ul style="list-style-type: none"> <li>• MyBomba JPP</li> </ul>
2.	Gerak Kerja Komuniti Selamat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• MySaferList</li> <li>• Tangan Bersalaman</li> </ul>
3.	Gerak Kerja Komuniti Sihat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• COMBI-LA</li> </ul>
4.	Gerak Kerja Komuniti Bersih	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 3R4Life</li> <li>• KomSis (Pengkomposan Sisa)</li> <li>• 2C (Clean &amp; Clear)</li> </ul>
5.	Gerak Kerja Komuniti Indah (1 Park 1 Community)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kejiranan Hijau</li> <li>• Kebun Komuniti</li> <li>• i-MAN (Indah dan Nyaman)</li> </ul>
6.	Gerak Kerja Komuniti Sejahtera	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kanta Komuniti</li> </ul>

(b) Forum “JPP : Pemangkin Kesejahteraan Rakyat”

Moderator : YB. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique  
Timbalan Menteri KPKT

Panel : “Hak Mendengar dan Hak Didengari” oleh Dr. Badrul Hisham

“Isu Keselamatan dan Ancaman Militan di Malaysia” oleh YBhg. Datuk Ayub Khan Mydin Pitchay

“Ekonomi Malaysia – Cabaran Semasa” oleh Prof. Dr. Jamal bin Othman

(c) Townhall YB Menteri KPKT bersama JPP

- Sebagai platform YB Menteri menyampaikan amanat dan harapan bagi memastikan objektif penubuhan JPP sebagai jentera transformasi sosial di kawasan bandar bandar tercapai.
  - Memberi peluang kepada JPP untuk berinteraksi terus dengan YB Menteri serta mengemukakan idea dan cadangan dalam usaha mewujudkan bandar yang sejahtera
  - Memberi peluang kepada JPP untuk berkongsi pengalaman sepanjang tempoh menerajui JPP di kawasan zon masing-masing.
4. Konvensyen JPP ini dilaksanakan dengan objektif :
- i. Sebagai wadah penyaluran maklumat serta meningkatkan lagi kefahaman di kalangan JPP tentang konsep kepimpinan dalam membentuk bandar sejahtera;
  - ii. Menyuburkan budaya perkongsian ilmu di kalangan JPP;
  - iii. Memberi peluang kepada JPP untuk berinteraksi dengan pihak KPKT; dan
  - iv. Memperkasa Pengerusi JPP sebagai *opinion leaders*.
5. Sehingga kini 2,035 zon JPP telah ditubuhkan di seluruh Semenanjung Malaysia selepas perasmianya pada 29 Mei 2015 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

---

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)